



## Kenyataan Akhbar (Kemaskini pada 10.00 pagi, 18 November 2009)

### AMARAN HUJAN LEBAT (PERINGKAT JINGGA)

Nasihat Hujan Lebat Peringkat Kuning yang dikeluarkan pada 1.45 petang, 15 November 2009 ditingkatkan kepada Amaran Hujan Lebat Peringkat Jingga pada 5.30 pagi, 18 November 2009 dimana hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat yang turun di Perak Utara (Daerah Hulu Perak, Kuala Kangsar, Larut dan Matang dan Kerian), Kedah dan Perlis dijangka berterusan sehingga Khamis, 19 November 2009. Keadaan ini boleh menyebabkan banjir di kawasan-kawasan yang berkedudukan rendah berdekatan tebing-tebing sungai.

### NASIHAT HUJAN LEBAT (PERINGKAT KUNING)

Nasihat Hujan Lebat Peringkat Kuning telah dikemaskini pada 8.00 pagi, 18 November 2009. Hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat yang turun dari semasa ke semasa di semua daerah di Kelantan dan Terengganu (Daerah Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman) dijangka berterusan hingga Selasa, 24 November 2009. Keadaan ini boleh menyebabkan banjir di kawasan-kawasan yang berkedudukan rendah berdekatan tebing-tebing sungai

Semasa tempoh hujan lebat, orang awam diminta untuk lebih berhati-hati dan mengikut arahan pihak berkuasa. Orang awam juga diminta untuk mematuhi arahan berpindah oleh pihak berkuasa apabila diarahkan jika banjir berlaku di kawasan mereka atau jika keadaan memerlukan.

Peringkat amaran dan kriteria amaran hujan lebat ditunjukkan seperti jadual berikut:-

Peringkat	Kriteria
Kuning	Kemungkinan berlaku luruan monsun dalam tempoh 24-48 jam.
Jingga	Hujan monsun sederhana sedang berlaku untuk beberapa jam akan datang.
Merah	Hujan monsun yang lebat dan meluas berlaku atau dijangka berlaku dalam beberapa jam akan datang.

Jabatan Meteorologi Malaysia juga telah mengemaskini **Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora** (mula dikeluarkan pada 2.40 petang, 12 November 2009, dan dikemaskini pada 08.50 pagi, 18 November 2009) seperti di jadual berikut:-

<b>Amaran</b>	<b>Kawasan Perairan</b>	<b>Arah dan Kelajuan Angin (kmsj)</b>	<b>Ketinggian Ombak (meter)</b>	<b>Tempoh</b>
<b>*Kategori Kedua</b>	<b>Condore</b>	<b>Timur laut / &gt; 50-60 kmsj</b>	<b>4.5</b>	<b>Sehingga 22 November 2009 (Ahad)</b>
<b>^Kategori Pertama</b>	<b>Samui (Kelantan dan Terengganu), Reef North, Layang-layang, Palawan dan utara Sabah (Kudat)</b>	<b>Timur Laut / &gt; 40-50 kmsj</b>	<b>3.5</b>	

**Nota: \*Kategori Kedua :** Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

**^Kategori Pertama :**Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

Selain daripada itu, kawasan pantai di Pantai Timur Semenanjung Malaysia (Kelantan, Terengganu dan Pahang) terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut. Keadaan ini dijangka bermula pada 18 November 2009 sehingga 20 November 2009.

**Jabatan Meteorologi Malaysia  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
18 November 2009**